

Dalam kita mengejar atau membina sebuah pencapaian, disiplin adalah salah satu faktor utama yang menentukan impian kita tercapai atau berkecai.

"Ibarat pokok, disiplin boleh kita andaikan sebagai akar tunjang, kekuatan akar tunjang inilah yang akan menentukan seponon pokok itu dapat hidup menjulang tinggi, bertahan lama dan kukuh, walaupun ditiup ribut taufan.

"Sekiranya akar tunjangnya lemah, tidak perlu angin yang kencang untuk menumbangkannya, sebaliknya beban dirinya sendiri yang akan merebahkan dirinya," kata Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak pada Hari Inovasi dan Majlis Penganugerahan Universiti 2010, semalam.

Menurutnya, pengiktirafan atau *reward* sahaja bukan satu cara untuk menjadi cemerlang, namun yang lebih penting menjurus kepada soal disiplin diri dan kerja yang merangsang prestasi tinggi.

"Kalau kita lima tahun yang lalu tidak semestinya kita akan bagus pada lima tahun akan datang justeru tingkatkan disiplin, pupuk rasa kasih dan sayang terhadap institusi seterusnya kita akan setia membina pencapaian yang cemerlang," ujarnya.

Katanya, bermula tahun ini staf yang dilantik memegang jawatan pentadbiran utama universiti seperti Penolong Naib Canselor, Dekan, Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Jabatan, Profesor Madya dan Profesor, tidak dicalonkan sebagai penerima APC.

Namun ujarnya, ini tidak bermakna universiti tidak mengiktiraf sumbangan mereka memandangkan pelantikan itu sudah menjadi satu pengiktirafan universiti kepada mereka.

"Profesor madya, kerajaan telah memberikan Skim Profesor meningkat sehingga peringkat tertinggi Turus, tanpa perlu memegang sebarang jawatan pentadbiran di universiti awam, selain mewujudkan kategori Profesor Kanan, serta menambah bilangan Profesor Diraja," jelasnya.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan pengiktirafan kepada staf yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan cemerlang.

Kali ini, sebanyak 161 staf menerima APC apabila memenuhi kriteria seperti mendapat markah prestasi 85% ke atas, kehadiran 100% peratus, cuti sakit tidak melebihi lima hari dan bebas daripada tindakan tatatertib.

Selaras dengan hasrat untuk mengukir nama UUM sebagai *The Eminent Management University*, UUM turut menyampaikan anugerah kepada staf yang cemerlang dalam bidang penyelidikan, perundingan/penerbitan dan sukan melalui Anugerah Khas Universiti.

Pada majlis itu, UUM College of Arts and Sciences meraih Anugerah Khas Pembudayaan Penyelidikan Kolej Terbaik manakala Anugerah Khas Penyelidik Terbaik menjadi milik Prof. Dr. Ku Ruhana Ku Mahamud dan Dr. Nor Idayu Mahat.

Anugerah Khas Perundingan Terbaik pula dimenangi oleh kumpulan perunding yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Roslan Abdul Hakim dan Anugerah Khas Penerbitan UUM Kategori Buku Karya Asli oleh Prof. Madya Abdul Rahim Anuar dan Prof. Madya Dr. Zulikha Jamaludin.

Anugerah Khas Penerbitan UUM Kategori Makalah Jurnal Terbaik dimenangi oleh Dr. Lim Hock Eam dan Anugerah Khas Sukan Terbaik menjadi milik Shukhairy Kamaruzaman.

Selain Anugerah Khas Universiti dan APC, UUM turut memberi pengiktirafan kepada Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PBB) apabila muncul sebagai Juara Penilaian Amalan 5S bagi tahun 2010 sekali gus menjadi Pemenang Konsisten yang membawa pulang hadiah sebanyak RM2,000 dan Piala Naib Canselor.

Pada majlis sama, Pro-Canselor UUM, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh menyampaikan anugerah kepada staf UUM sejenus selepas merasmikan majlis tersebut.

Habis.